

HARI SABTU, 22 APRIL, 1961

- *1. **Enche' V. David** bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ia-itu ada-kah benar sa-orang Pegawai Sharikat Kerjasama telah di-tugaskan jadi Setia-Usaha Sharikat Kerjasama² Kewangan Tanah Kebangsaan (National Land Finance Co-operative Society).
- *2. **Enche' V. David** bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ia-itu ada-kah benar beliau telah mengeluarkan perentah kapada jabatan Pos supaya menerima wang belian share Sharikat Kerjasama Kewangan Tanah Kebangsaan (National Land Finance Co-operative Society).
- *3. **Enche' Ng Ann Teck** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah benar ia-itu pegawai² berdagang sekarang di-beri enam minggu chuti balek negeri bagi tiap² tahun, dan jika demikian, kenapa sistem ini di-adakan sa-bagai mengganti sistem lama ia-itu chuti balek negeri hanya di-beri dua atau tiga tahun sa-kali chuti.
- *4. **Enche' Ng Ann Teck** bertanya kapada Menteri Pengangkutan ia-itu berapa-kah bilangan permit pengangkutan class A yang telah di-berikan kapada orang² Melayu bagi menggunakan jalan Port Swettenham-Kuala Lumpur dengan di-berikan nama dan bilangan permit yang di-beri kapada mereka itu.
- *5. **Enche' Ng Ann Teck** bertanya kapada Menteri Dalam ia-itu berapa-kah bilangan kedai lesen jual makanan di-taman bunga Kuala Lumpur yang telah di-untokkan kapada orang Melayu, dengan di-nyatakan nama orang² itu.